

11/06/2003

Pak Lah teruskan tradisi `suara ummah`

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mempunyai latar belakang agama, pasti akan meneruskan tradisi kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di peringkat dunia sebagai `suara ummah` di pentas antarabangsa, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak.

Beliau berkata, pemilihan Malaysia selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) adalah sebagai satu penghargaan kepada kepemimpinan Dr Mahathir dan bagaimana Perdana Menteri menonjolkan nilai Islam dan suara ummah ke pentas dunia.

"Penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dengan kelayakan agama, sudah pasti meneruskan tradisi itu," katanya dalam ucapan bertajuk `Asia Tenggara pada 2003: Bagaimana kita melihat dunia` pada Forum Asia-Inc mengenai Kepemimpinan Untuk Asia Tenggara di sini semalam.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata, apabila Malaysia mengambil alih kepemimpinan OIC tidak lama lagi, ia akan memberi satu lagi peluang kepada Kuala Lumpur untuk memainkan peranan utama di kalangan negara Islam.

Katanya, tugas itu bukan sesuatu yang mudah memandangkan kepentingan yang pelbagai di kalangan negara anggota OIC.

Mengenai Asean, Najib berkata rangka kerja termasuk kerjasama lebih mantap dalam bidang ekonomi serta pelaburan perlu diperkukuhkan di antara negara anggota bagi menghadapi cabaran kewangan dan ekonomi sejagat.

"Kita tidak harus membiarkan Asean dan Asia Tenggara dijadikan tidak relevan dan dipinggirkan, malah lebih buruk jika kita sendiri menjadi penyebabnya. Kita sudah memperoleh kehormatan orang lain di sekeliling dunia sejak berdekad dan ia memalukan, malah menjadi satu tragedi jika kita kehilangan momentum ini," katanya.